



NOTIS MAKLUMAN

SERAHAN LEBIHAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA KEPADA PEJABAT PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT

Dimaklumkan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (**LPPSA**) pada 26 Mac 2025 telah meremitkan lebihan bayaran selepas penyelesaian pembiayaan perumahan bagi tahun 2023 yang tidak dituntut kepada **Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia**, selaras dengan peruntukan di bawah **Akta Wang Tak Dituntut 1965**.

Sehubungan itu, pelanggan yang berkenaan boleh membuat semakan dan tuntutan secara langsung kepada **Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut**. Pelanggan boleh merujuk kepada laman sesawang rasmi **Jabatan Akauntan Negara Malaysia** di <https://egumis.anm.gov.my/> atau menghubungi **Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut** di talian **03-8000 8600 / 03-8000 8700** atau mengunjungi cawangan yang berdekatan.

27 MAC 2025